



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(PPK) 018/10 Jld.14 (34)

Tarikh : 22 Februari 1994

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/1994 :

**Pelaksanaan Bahasa Malaysia di SRJK (C) dan SRJK (T)
dan Bahasa Inggeris di SK/SRK serta Kokurikulum di Sekolah Rendah**

Surat Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan tentang Pelaksanaan Bahasa Malaysia di SRJK (C) dan SRJK (T) dan Bahasa Inggeris di SK/SRK serta Kokurikulum di Sekolah Rendah.

2. Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Malaysia di SRJK (C) dan SRJK (T) dan Bahasa Inggeris di SK/SRK dimulakan pada awal tahun persekolahan Tahun 1 berkuatkuasa pada sesi persekolahan tahun 1993/1994.

3. Pelaksanaan masa untuk kokurikulum yang dikeluarkan daripada jadual waktu adalah seperti berikut :

- (i) Masa kokurikulum Tahap I, satu waktu (30 minit) diberi kepada Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) dan satu waktu (30 minit) lagi adalah pilihan Guru Besar.
- (ii) Masa kokurikulum Tahap II pula, satu waktu (30 minit) diberi kepada Sains dan satu waktu lagi (30 minit) diberi kepada Kemahiran Hidup. Satu waktu tambahan bagi Kemahiran Hidup tersebut dibatalkan. Oleh itu waktu pembelajaran bagi Tahap II kembali kepada 1,40 minit seminggu.
- (iii) Pelaksanaan sepenuhnya bagi Tahap I dan Tahap II berkuatkuasa pada sesi persekolahan tahun 1994/1995.

4. Apabila masa kokurikulum diberikan kepada PJK, pelaksanaannya adalah seperti berikut :

- (i) Untuk sekolah yang mempunyai guru yang telah menghadiri kursus tentang PJK Tahap I, pelaksanaan sepenuhnya pada sesi persekolahan tahun 1993/1994.
- (ii) Untuk sekolah yang tidak mempunyai guru yang terlatih dalam PJK Tahap I dan tidak mempunyai bahan kurikulum PJK Tahap I, kegiatan kokurikulum yang berbentuk rekreasi dan mengandungi unsur kesihatan serta menggalakkan interaksi antara murid diteruskan bagi sesi persekolahan tahun 1993/1994.

- (iii) Pelaksanaan kurikulum PJK Tahap I sepenuhnya berkuatkuasa pada sesi persekolahan tahun 1994/1995.

5. Sila edarkan Surat pekeliling ini kepada semua sekolah rendah untuk tindakan selanjutnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Setiausaha Sulit kepada
Y.B. Menteri Pendidikan Malaysia
 7. Setiausaha Sulit kepada
Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 8. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia